

HARI MINGGU PRAPASKA KE-4 (A)

1 Samuel 16:1. 6-7. 10-13; Mazmur 22. R/ v. 1; Efesus 5:8-14
Yohanes 9:1-41 (Versi Singkat, 9:1. 5b-9. 13-17. 34-38)

Tema: TERANG KRISTUS: TERANG IMAN, TERANG KEHIDUPAN DAN TERANG KEBAIKAN

1. Hari ini adalah Hari Minggu Keempat Prapaska dalam Tahun Liturgi A. Prapaska adalah masa persiapan kita untuk merayakan Paska! Prapaska adalah masa di mana kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan kematian dan kebangkitan kita bersama Dia di dalam sakramen pembaptisan!

Prapaska dengan itu adalah masa apabila para katekumen kita membuat persiapan untuk pembaptisan mereka dan juga untuk kita yang sudah dibaptis, membuat persiapan untuk membaharui pembaptisan kita pada Malam Menjelang Paska, supaya kita akan mati dan bangkit dengan Yesus Kristus ke kehidupan baru Paska!

Dengan itu Prapaska adalah masa pertobatan! Dengan itu Prapaska adalah masa kita membuat persiapan untuk menerima terang Yesus Kristus di dalam sakramen pembaptisan! Terang Kristus adalah terang iman, terang kehidupan dan terang kebaikan!

Ketiga tema adalah berkaitan, iaitu, dengan iman dalam Allah, kita menerima hidup baru dari Allah, dan kehidupan dari Allah adalah baik, sebab Allah adalah baik! Bahkan Allah sahaja adalah kebaikan! Lebih penting, terang akan mengatasi kegelapan, iman akan mengatasi ketidak kepercayaan, kehidupan akan mengatasi kematian, dan kebaikan akan mengatasi kejahanatan!

Sebab Yesus telah mengatasi iblis! Dan Yesus akan mengatasi iblis di dalam kita melalui kematian dan kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus di dalam sakramen pembaptisan dan kita akan menerima terang Kristus; terang iman, terang kehidupan dan terang kebaikan!

2. Injil hari ini memberitahu kita mengenai terang iman. Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus adalah terang dunia! (Yoh 9:5b). Injil memberitahu kita bahawa Yesus telah mengurapi mata orang buta dan memberitahu dia supaya mencucinya di Kolam Siloam. Selepas mencucinya orang buta itu dapat melihat! Dia dapat melihat dengan mata iman!

Dalam sakramen pembaptisan kita akan diurapi dengan Minyak Krisma dan kita juga dicuci di dalam air pembaptisan dan kita juga akan dapat melihat dengan mata iman!

Injil juga memberitahu kita bahawa iman orang buta itu bertumbuh! Pada mulanya dia percaya Yesus adalah seorang manusia, kemudian dia percaya Yesus adalah seorang nabi dan akhirnya dia menyembah Yesus sebagai Tuhan! Para Farisi, di sebaliknya, berkurangan iman mereka! Pada mulanya mereka tidak percaya bahawa Yesus adalah dari Allah, dan kemudian mereka tidak percaya bahawa orang itu dilahirkan buta, dan akhir sekali mereka percaya bahawa Yesus adalah pendosa!

Selepas pembaptisan kita harus terus bertumbuh dalam iman seperti orang buta itu dengan menghadiri Misa Kudus setiap hari Minggu; jika tidak kita akan menjadi seperti orang Farisi, kita akan kehilangan iman!

3. Pengantar Injil memberitahu kita mengenai terang kehidupan! Dengan itu kita baca:

“Akulah cahaya dunia. Siapa yang mengikuti Aku, akan hidup dalam cahaya kekal.” (Yoh 8:12; SM)

Sesiapa yang mengikuti Yesus kepada kematian dan kebangkitan-Nya di dalam sakramen pembaptisan akan menerima cahaya kehidupan!

4. Bacaan kedua memberitahu kita mengenai kebaikan terang! Justru itu kita baca dalam bacaan kedua:

“Memang dahulu kamu adalah kegelapan, tetapi sekarang kamu adalah terang di dalam Tuhan. Sebab itu hiduplah sebagai anak-anak terang, kerana terang hanya berbuahkan kebaikan dan keadilan dan kebenaran.” (Ef 5:8-9; SM)

Bacaan kedua “membezakan anak-anak terang dengan anak-anak kegelapan berasaskan kelakuan mereka” (Vat.IISM)

5. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai sakramen Penguatan. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Samuel mengurapi Daud dengan minyak dan Roh Allah menguasai Daud! Dengan itu kita baca:

“Samuel mengambil tabung tanduk yang berisi minyak itu dan mengurapi Daud di tengah-tengah saudara-saudaranya. Sejak hari itu dan seterusnya berkuasalah Roh Tuhan atas Daud.” (1 Sam 16:13; SM)

“Kejayaan Daud adalah disebabkan kehadiran Roh Yahweh di dalamnya.” (NJBC)

Dengan cara yang sama, paderi akan memperlakukan sakramen Penguatan kepada kamu dengan mengurapi kamu dengan Minyak Krisma dengan berkata: “N..., Terimalah karunia Roh Kudus.” Dan kamu menjawab: “Amen”.

Dan seperti Daud, kamu akan menjadi kuat di dalam Roh Tuhan! Itulah apa yang dimaksudkan dengan perkataan “penguatan”!

6. Mazmur antarbacaan memberitahu kita mengenai sakramen Ekaristi, iaitu, sakramen segala sakramen! Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa Tuhan Allah adalah Gembala Baik yang memberi kita makan dan minum! Dengan itu kita baca:

“Tuhanlah gembalaku, aku takkan berkekurangan. Ia membaringkan daku di padang rumput yang hijau. Ia membimbing aku ke air yang tenang, dan menyegarkan daku.” (Rangkap pertama; ayat. 1-3a; SM)

Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita bahawa Tuhan Allah adalah Tuan perjamuan mesianik! (NJB). Justru itu kita baca:

“Engkau menyediakan hidangan bagiku di hadapan segala lawanku. Engkau mengurapi kepalaku dengan minyak, pialaku penuh berlimpah.” (Rangkap ketiga; ayat 5. 5; SM)

Di dalam Ekaristi, Tuhan Allah memberi kita tubuh dan darah-Nya untuk dimakan dan diminum untuk memberi kita hidup kekal! (Yoh 6: 51-58; Ekaristi; CSB)

7. Pada masa Prapaska, Gereja meminta kita berdoa, berpuasa dan bersedekah kepada yang miskin dan yang memerlukan; bukan untuk menghukum kita kerana dosa kita, tetapi untuk membantu kita bertobat! Untuk membantu kita menerima terang Yesus Kristus; terang iman, kehidupan dan kebaikan! Untuk membantu kita menerima tiga sakramen inisiasi, iaitu, Pembaptisan, Penguatan dan Ekaristi! Berkat Prapaska untuk kamu semua! Hari ini adalah juga Minggu “sukacita” atau minggu “gembira atau riang”, sebab kita sudah separuh jalan dalam ke Paska! Itulah sebabnya kita menggunakan baju warna pink/ros, dll! Minggu sukacita dan gembira untuk kamu semua! Amen!

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia.